

20/01/2003

Kuliah agama jadi landasan tabur fitnah

KOTA BHARU: Umno Kelantan mengesan perbuatan segelintir pihak menggunakan kuliah agama di masjid sebagai landasan menabur pelbagai fitnah, termasuk kononnya penceramah tidak akan dibenarkan berdakwah di masjid.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan atau Umno tidak pernah berniat untuk menghentikan kegiatan dakwah di negara ini, termasuk di masjid asalkan ia tidak menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

Difahamkan, dakwaan itu dipercayai berpunca daripada tindakan Kerajaan Pusat menghentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) dan menyerap pelajarannya ke sekolah kebangsaan (SK) bagi tujuan penyelarasan.

"Saya terima panggilan telefon mengenai tindakan seorang penceramah yang menyampaikan kuliah subuh di sebuah masjid di sini dan antara lain beliau mendakwa lepas ini mereka (penceramah) mungkin tak boleh berdakwah di masjid.

"Ini adalah fitnah melulu dan tuduhan liar kerana apa yang kita lakukan bertujuan memantapkan institusi pendidikan di negara ini.

"Bagi saya, semua ini tidak lebih daripada tindakan Pas yang cuba menanggung di air keruh untuk menjadikannya modal dalam berpolitik.

"Anak pemimpin Pas dihantar ke SK dan ke luar negara termasuk ke England sedangkan anak orang kampung disuruh hantar ke SAR, jadi saya minta mereka tolong hentikan segala fitnah ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perjumpaan dengan kira-kira 600 siswazah yang mengikuti Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) di Auditorium Mara, di sini, semalam.

Mengenai dakwaan Pas bahawa perubahan pucuk pimpinan Umno Kelantan yang diumumkan baru-baru ini adalah 'Umno tua melawan Umno muda', Mustapa berkata, Pas hanya mahu menyembunyikan keresahan terhadap kebangkitan Umno di negeri ini.

Katanya, Umno Kelantan tidak gentar dengan apa juga yang diperkatakan Pas kerana ia membuktikan perubahan kepemimpinan itu mulai mendatangkan kesan kepada Pas.

"Jelaslah pada kita mereka mulai bimbang dengan kebangkitan Umno dan Umno di Kelantan sekarang adalah lebih kukuh berbanding (ketika menghadapi pilihan raya umum 1999).

"Mereka (Pas) akan mencari pelbagai helah untuk menimbulkan keraguan di sebalik kebangkitan ketara Umno di negeri ini.

"Bagi kita, soal Umno muda atau tua tidak perlu timbul kerana hakikatnya, kita semua perlu bekerjasama di semua peringkat terutama di bahagian kerana badan perhubungan hanya menyelaraskan tindakan," katanya.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pengguguran Datuk Annuar Musa selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan; Tuan Hashim Tuan Yaacob (Setiausaha), Datuk Ismail Mamat (Ketua Penerangan) dan Datuk Dr Nik Hussain Ab Rahman (Bendahari).

Serentak itu, Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim dipilih sebagai pengganti Annuar; Timbalan Ketua bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusoh (Setiausaha); Timbalan Ketua bahagian Peringat, Mohd Alwi Che Ahmad (Ketua Penerangan) dan Timbalan Ketua bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Husin (Bendahari).